

Fax : Bahagian Pentadbiran & Kewangan  
 & Pengurusan Estet 2241367  
 Bahagian Keselamatan & Kesejahteraan 2225687/2240544  
 Bahagian Kuasa-Kuasa Tempatan &  
 Perpaduan Masyarakat 2243302/2240541  
 Bahagian Pengawalan Hiburan Awam &  
 Penerbitan 2240542  
 Tel. No. : 2223225/2226285/2227374/2243303  
 Email : [info@home-affairs.gov.bn](mailto:info@home-affairs.gov.bn) Website : [www.home-affairs.gov.bn](http://www.home-affairs.gov.bn)

Rujukan Kami : (34)dlm.26/2902  
 Our Reference :



كمترین حل احوال دالن نکری

KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI  
 MINISTRY OF HOME AFFAIRS  
 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

١٢-Syaaban 1445H  
 22 Februari 2024M

## SERTA MERTA

Yang Mulia  
**Hoon Chang Siong**  
*Curious Mind Enterprise*  
 B19, 2<sup>nd</sup> Floor, Gadong Central  
 Menglait BB3719  
 Negara Brunei Darussalam

Tuan,

Dengan hormat sukacita merujuk permohonan Tuan bertarikh 06 Februari 2024 iaitu mengenai dengan hasrat **Curious Mind Enterprise** untuk mendapatkan kebenaran **mengutip tajaan berbentuk kewangan dan baranagan bagi mengendalikan program 'School Green Day Program 2024'** yang diadakan bermula pada bulan **Mac 2024 hingga bulan November 2024** bertempat di Sekolah-Sekolah Menengah di Brunei yang tersenarai.

2. Sehubungan ini, sukacita dimaklumkan bahawa permohonan tersebut adalah **dibenarkan** dengan **pengutipan tajaan berbentuk 'in-kind' sahaja** tertakluk kepada syarat-syarat seperti di **Lampiran 'A'** disertakan.

3. Pihak Tuan bolehlah berhubung terus ke **Unit Kewangan bahagian Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Aras Bawah, Left Wing Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**, pada waktu-waktu pejabat dibuka, hari Isnin hingga Khamis, waktu kaunter pembayaran dibuka mulai jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 3.00 petang dan pada hari Sabtu, waktu kaunter pembayaran dibuka mulai jam 8.00 pagi hingga 10.30 pagi bagi tujuan **pengambilan dan pembayaran** pas tajaan berkenaan dengan kadar harga **\$2.00** bagi nama yang dilantik iaitu:-

• **Hoon Chang Siong** - **01-180863 (K)**

4. Dalam hal ini, adalah juga diperingatkan bahawa **sebarang sumbangan tajaan hendaklah diberikan secara sukarela tanpa paksaan**. Pengutip tajaan **tidak boleh menetapkan jumlah tajaan daripada mana-mana penaja di Negara ini**.

5. Dalam waktu yang sama, dipohonkan juga kerjasama supaya akan dapat menghadapkan **Salinan Asal Kunci Kira-Kira** ke Kementerian ini **SATU (1) BULAN** selepas aktiviti selesai dijalankan dan kelambatan menghadapkan Lapuran Kunci Kira-Kira berkenaan ke Kementerian ini pada tempoh yang ditetapkan boleh menjelaskan permohonan yang akan datang.

Sekian disampaikan untuk makluman dan tindakan Tuan mengenainya.

**"Bersatu Mencapai Cita Negara"**

Dengan hormat,

[ **SITI NORASHIKIN BINTI MOHD SALLEH** ]

Timbalan Setiausaha Tetap  
 (Dasar, Korporat dan Perancangan)  
 b.p Setiausaha Tetap  
 Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

sk: Pesuruhjaya Polis



**LAMPIRAN 'A'**

**SYARAT-SYARAT KEBENARAN MENGUTIP TAJAAN BAGI MENGENDALIKAN 'SCHOOL GREEN DAY PROGRAM 2024' YANG DIADAKAN BERMULA PADA BULAN MAC 2024 HINGGA BULAN NOVEMBER 2024**

1. Pengutipan tajaan berbentuk barang iaitu '*in-kind*' bolehlah dipohonkan di kalangan syarikat-syarikat swasta, gedung-gedung perniagaan dan orang perseorangan dengan cara sukarela tanpa paksaan dan menentukan jumlahnya.
2. Aktiviti tersebut hendaklah terlebih dahulu dimaklumkan kepada pihak **Polis Diraja Brunei** dan segala syarat dan peraturan yang dikenakan hendaklah dipatuhi.
3. **TIDAK ADA** sebarang aktiviti yang bertentangan dengan tatasusila dan peradapan negara ini termasuk aktiviti yang berbentuk hiburan seperti nyanyian dan tari-menari dan penjualan tiket.
4. Adalah ditegah dan tidak dibenarkan sama sekali bagi permainan yang berupa perjudian atau "*Games Of Chance*" dijalankan semasa aktiviti tersebut.
5. Menggunakan badan-badan profesional untuk mengutip tajaan yang akan dikenakan kepada syarikat-syarikat adalah ditegah sama sekali.
6. Sebarang bentuk kutipan yang lain adalah ditegah sama sekali kecuali dengan cara yang tersebut di atas sahaja. Cara pengendaliannya hendaklah tidak bertentangan dengan peraturan-peraturan atau undang-undang yang dikuatkuasakan di Negara Brunei Darussalam khususnya **Akta Pencegahan Rasuah [Penggal 131]**, **Akta Hiburan Awam [Penggal 181]**, **Akta Pengawalan Pengutipan Derma [Penggal 91]** dan juga **Perintah Am (General Order)** jika pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam terlibat didalam penyelenggaraannya.
7. **Salinan Asal Kunci Kira-Kira** dengan menunjukkan pendapatan dan perbelanjaan yang **disahkan oleh Pemeriksa Kira-Kira (Auditor)** pihak Penganjur atau Pemeriksa Kira-Kira yang dilantik hendaklah dihadapkan ke Kementerian ini **tidak lebih satu bulan** selepas pengutipan tersebut. Di dalam menghadapkan Kunci Kira-Kira tersebut, nama pemeriksa kira-kira hendaklah dibubuh dengan terang di samping tandatangannya. **Contoh format Kunci Kira-Kira adalah seperti di LAMPIRAN 'B' disertakan.**
8. Pihak Penganjur hendaklah menyertakan surat pengesahan daripada pihak penaja-penaja mengenai dengan butir dan keterangan yang lengkap ke atas barang-barang yang ditaja.
9. Pihak Penganjur hendaklah menghuraikan Kunci Kira-Kira tersebut secara terperinci mengenai barang-barang yang digunakan dengan jumlah yang diperolehi dari setiap penaja.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri